



UCAPAN ALUAN

**YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT *EMPOWERMENT*
PELESENAN PERIKANAN LAUT DALAM SARAWAK**

23 OGOS 2022 (SELASA)

11.30 PAGI

**BORNEO CONVENTION CENTRE KUCHING (BCCK)
KUCHING, SARAWAK**

SALUTASI

RUJUK FINAL DI LAPANGAN

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

YB DATUK AMAR HAJI AWANG TENGAH BIN ALI HASAN

Timbalan Premier Sarawak

YB DATO' SRI DR. STEPHEN RUNDI ANAK UTOM

Menteri Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah (MANRED)

YB DATUK DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ISMAIL

Timbalan Menteri 1, Pemodenan Pertanian Dan Pembangunan Wilayah (MANRED)

YB TUAN MACLAINE @ MARTIN BEN

Timbalan Menteri 2, Pemodenan Pertanian Dan Pembangunan Wilayah (MANRED)

YBRS. TUAN HAJI WAN MUHAMMAD AZNAN BIN ABDULLAH

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)
Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)

Yang Berusaha Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah MAFI

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan

Rakan-rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

1. Pertamanya, saya zahirkan rasa syukur dapat kita sama-sama hadir pada hari ini dalam **Majlis Penyerahan Surat *Empowerment* Pelesenan Perikanan Laut Dalam Sarawak**.
2. Bagi pihak MAFI, saya rakamkan setinggi-tinggi **penghargaan dan ucapan terima kasih** khususnya atas kelapangan **YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak** serta **seluruh jawatankuasa dan urusetia** yang bertungkus lumus menjayakan majlis yang sangat bermakna ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

3. Seperti yang kita semua sedia maklum, kelulusan pelaksanaan ***empowerment* atau penurunan kuasa** kepada Kerajaan Sarawak bagi urusan Pelesenan Perikanan Laut Dalam telah diputuskan di dalam **Mesyuarat Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63)** pada **18 Oktober 2021** lalu yang telah dipengerusikan oleh **YAB Perdana Menteri**.
4. Majlis Khas tersebut telah bersetuju dengan pelaksanaan **penurunan kuasa kepada Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS) dan Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED)** untuk melaksanakan urusan pengeluaran permit dan lesen laut dalam bagi vesel penangkapan ikan zon C2 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di Sarawak.
5. Seterusnya, **syarat-syarat** pelaksanaan **penurunan kuasa** ini juga telah **dipersetujui secara prinsip** oleh Kerajaan Sarawak pada 7 Jun 2022.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

6. **Subsektor perikanan** terutamanya **perikanan laut dalam** merupakan antara industri yang berpotensi untuk terus **meningkatkan pengeluaran ikan negara bagi menjamin bekalan hasil perikanan**.
7. **Pengisytiharan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE)** negara sekitar tahun 1980 telah membuka era baru kepada pembangunan Industri Perikanan Negara, di mana keluasan perairan **perikanan telah bertambah hampir empat (4) kali ganda iaitu dari 47 ribu kepada 164 ribu batu persegi**.
8. Kerajaan pada ketika itu telah mengambil beberapa langkah agresif dalam membangunkan sektor perikanan dan berhasrat untuk **meningkatkan penggunaan vesel moden untuk menangkap ikan laut dalam bagi terus mengeksploitasi sumber sedia ada**.
9. Namun demikian, sumber perikanan di perairan Sarawak masih boleh diterokai bagi meningkatkan pendaratan. Malah, status terkini **kuota vesel penangkapan ikan laut dalam** yang boleh dilesenkan di perairan Sarawak telah dikenalpasti sebanyak **560 buah vessel**.

10. Dalam hal ini, **penambahan vesel laut dalam serta pengurusan sumber perikanan secara mampan di seluruh perairan Sarawak** akan dapat terus menjamin hasil tangkapan ikan selain membangunkan pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantai nilai termasuk industri hiliran yang dapat meningkatkan hasil ekonomi nelayan tempatan.
11. Justeru, pembangunan industri perikanan Sarawak berpotensi tinggi untuk terus dikembangkan di mana pada ketika ini terdapat seramai **10,828 orang nelayan dan 5,103 buah vesel** yang telah menghasilkan sejumlah **125 ribu tan metrik ikan setahun** dengan nilai melebihi **716 juta ringgit**.
12. Bagi menyokong agenda pembangunan industri perikanan Sarawak, Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS) telah diluluskan peruntukan lebih **17 juta ringgit di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)** bagi menguruskan sumber perikanan serta meningkatkan pengeluaran ikan negara bagi terus menjamin bekalan ikan di Sarawak.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

13. Melangkah ke hadapan, MAFI melalui DOF telah merangka Pelan Pembangunan Perikanan Negara Tahun (PPPNT) 2021-2030 **selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0)** bagi memacu pembangunan subsektor perikanan negara secara inklusif menerusi kerjasama strategik dengan semua pihak yang terlibat.
14. Menerusi pelan ini, pelbagai usaha akan dilaksanakan untuk mengimbangi aspek **penerokaan potensi sumber perikanan secara cekap dan mampan, pematuhan terhadap resolusi di peringkat antarabangsa dan pengintegrasian teknologi moden yang lebih mesra sumber serta dapat meningkatkan produktiviti negara**.
15. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah memperuntukkan **Dana Pembiayaan sebanyak 150 juta ringgit menerusi program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan** di bawah Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2030 bagi mengalakkan penerokaan perikanan laut dalam.
16. Kerajaan turut memperuntukkan sebanyak 14 juta ringgit kepada DOF di bawah RMKe-12 untuk melaksanakan **Projek Pembangunan Perikanan Komersial Laut Dalam dan Tuna** bagi meningkatkan pendaratan dan penglibatan pemain industri serta nilai tambah perikanan laut dalam.
17. Usaha-usaha ini adalah manifestasi komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan jaminan sekuriti makanan negara, terutamanya pengeluaran hasil laut yang merupakan salah satu daripada sumber protein bagi Keluarga Malaysia selain terus **memperkasakan peranan nelayan, penternak akuakultur dan komuniti perikanan secara keseluruhannya**.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

18. Saya yakin inisiatif pelaksanaan **empowerment atau penurunan kuasa** kepada Kerajaan Sarawak bagi urusan Pelesenan Perikanan Laut Dalam ini dapat memanfaatkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sesuai dengan objektifnya, termasuk **pengurusan sumber perikanan, keselamatan perairan dan hubungan antarabangsa yang lebih mampan.**
19. MAFI akan terus mengadakan **sesi libat urus dengan Kerajaan Sarawak melalui *Joint Development Committee* yang telah ditubuhkan antara MAFI dan MANRED**, bagi membincangkan dan memperhalusi program dan projek merentasi semua subsektor agromakanan termasuk pembangunan industri perikanan Sarawak dalam usaha memajukan sektor agromakanan Sarawak sekaligus memperkukuh jaminan bekalan makanan demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Sekian, terima kasih.